



03 FEB, 2025

Benar bina lebih sebuah rumah di lot tanah FELDA

Berita Harian, Malaysia



Benar bina lebih sebuah rumah di lot tanah FELDA

Kuala Lumpur: Peneroka FELDA akan dibenarkan membina lebih daripada sebuah rumah di atas satu lot tanah rancangan itu dalam usaha menyediakan kediaman kepada generasi kedua, ketiga dan keempat.

Untuk itu, Akta Tanah (Kawasan Pemepatan Berkelompok) 1960 (Akta 530) akan dipinda bagi menyeragamkan peraturan membenarkan lebih satu rumah dibina di atas satu lot di tanah rancangan FELDA.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ia bagi mendepani cabaran menyediakan perumahan untuk kelompok berkenaan.

"Menyediakan keperluan perumahan bagi generasi kedua, ketiga dan keempat peneroka memerlukan kerangka undang-undang yang dikemas kini.

"Beberapa negeri juga sudah membenarkan lebih daripada

satu rumah dibina di satu lot dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah bersetuju membelakangkan elektrik kepada rumah tambahan berkenaan.

"Kami berhasrat menyergamkan peraturan berkenaan di seluruh negara menerusi pindaan baharu GSA yang dijangka dibentangkan sebelum akhir tahun ini," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika menjadi tetamu undangan dalam *Podcast Utama Buletin TV3* yang dihoskan Halim Mohamed dan Azaria Tagaya yang disiarkan semalam.

Menyentuh peranan kerajaan dalam menyelaras agensi di bawah kementeriannya termasuk FELDA yang kini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi masih dalam skop penyelarasan KKDW, beliau berkata pihaknya memastikan FELDA

bersama agensi lain seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) beroperasi secara cekap serta selari dengan dasar pembangunan luar bandar negara.

"Sejumblah 10 agensi termasuk MARA berada di bawah pengawasan kementerian saya bagi memastikan perbelanjaan yang berkesan dan memberi impak besar," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan kerajaan giat memperkuuh pembangunan luar bandar serta mengurangkan penghijrahan ke bandar dengan mewujudkan peluang ekonomi baru dan memperkasa program keusahawanan.

Katanya, ketika ini 24.7 peratus daripada penduduk Malaysia atau mewakili kira-kira 8.1 juta orang, menetap di kawasan luar bandar.



Pindaan Akta 530 bolehkan generasi kedua dan ketiga bina kediaman di atas satu lot tanah rancangan di FELDA.

(Foto hiasan)

Beliau menegaskan pembangunan mampan di luar kawasan bandar adalah kunci untuk mengekalkan generasi muda di kampung halaman mereka.

"Ia berkaitan mobiliti sosial. Dahulu, penduduk luar bandar berhijrah ke bandar atau pinggir bandar untuk mencari pekerjaan.

"Kadar mobiliti sosial mendarat sebelum ini iaitu 3.4 peratus, tetapi kini menurun kepada 2.7 peratus.

"Ini bermakna kita perlu membawa lebih banyak pembangunan ke luar bandar bukan sekadar infrastruktur, tetapi juga peluang pekerjaan baharu," katanya.

Tambah beliau, dua strategi utama sedang dilaksanakan, iaitu menggalakkan keusahawanan dalam kalangan komuniti luar bandar serta menarik industri untuk menjalankan perniagaan di kawasan terbatas dengan insentif kerajaan.